

|            |                                           |             |                     |
|------------|-------------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Permintaan tempoyak cecah sejuta kilogram |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                             |             |                     |
| Date       | 18 Jun 2019                               | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                                  | Circulation | 82,252              |
| Page No    | 60                                        | Readership  | 246,756             |
| Language   | Malay                                     | ArticleSize | 282 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Tuty Haryanti Ahmad Rodzi                 | AdValue     | RM 9,374            |
| Frequency  | Daily                                     | PR Value    | RM 28,121           |



# Permintaan tempoyak cecah sejuta kilogram

➔ Penjualan durian proses, eksport buah sejuk beku elak lambakan

**Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi**  
tuty@bh.com.my

► Seremban

**P**ermintaan tempoyak oleh restoran yang semakin tinggi ketika ini sehingga mencecah sejuta kilogram, dapat mengelak berlaku masalah lambakan durian, kata Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak.

Beliau berkata, hasil tinjauan pihaknya mendapati keperluan

itu meningkat terutama di Pahang, Negeri Sembilan dan Lembah Klang.

"Itu satu angka besar, malah turut menyebabkan harga tempoyak meningkat mendadak daripada RM10 sekilogram kepada RM30 sekilogram pada masa ini.

"Ini jelas menunjukkan permintaan bagi durian yang diproses semakin bertambah, sekali gus dapat mengelak daripada berlaku lambakan durian," katanya selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Kali Ke-16 Kelab Sukan FAMA di sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, selain permintaan tempoyak, usaha kerajaan mengeksport buah tempatan itu ke luar negara juga dapat membantu mengatasi masalah lambakan.



Ahmad Ishak

Katanya, setakat ini hampir 27 negara yang mengimport durian berkualiti dari Malaysia termasuk China, Singapura, Hong Kong, Australia dan Kanada.

## Nilai eksport RM70j

"Malah tahun lalu saja, kita berjaya mengeksport durian ke China bernilai RM70 juta dan berharap jumlah ini akan terus bertambah memandangkan kali ini kita dibenar mengeksport durian sejuk beku.

"Saya yakin hasil pasaran tempatan dan luar negara, selain penjualan pelbagai durian diproses, tidak akan berlaku isu lambakan durian di negara ini," katanya.

Beliau berkata, usaha mengeksport durian diharap dapat menjadikan Malaysia antara negara pengeluar durian terbesar dunia kerana negara berjaya menghasilkan durian berkualiti tinggi seperti Musang King dan Black Thorn.

Malah, katanya, selain durian dari Pahang, durian dari Kuala Pilah dan Jelebu, di sini, juga kini semakin berkualiti tinggi hasil tanaman di tanah berseesuaian.

"Bagaimanapun, jika masih berlaku lambakan durian, FAMA bersedia membantu menghasilkan makanan lain seperti durian 'crepe', 'mochi' dan biskut dalam usaha memperluaskan pasaran durian yang diproses," katanya.